

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

SBP 310 - Kaedah Penyelidikan Pembangunan

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN : Jawab EMPAT (4) soalan daripada TUJUH (7) soalan di bawah. Soalan SATU (1) WAJIB dijawab.

SOALAN 1

Anda adalah seorang pegawai yang bertanggungjawab dalam bahagian Penyelidikan dan Pembangunan di Jabatan anda. Baru-baru ini satu isu pembangunan yang berkaitan Jabatan anda heboh diperkatakan dalam kalangan kumpulan sasar Jabatan anda. Apakah tindakan yang perlu anda lakukan? Terangkan dengan terperinci langkah-langkah yang perlu anda ambil.

[100 markah]

SOALAN 2

Dalam pendekatan penyelidikan penyertaan, ciri-ciri kumpulan sasar boleh mempengaruhi pencapaian matlamat penyelidikan. Terangkan dengan terperinci tentang Tipologi Penyertaan seperti yang dibincang oleh Jules N. Pretty. Cuba kaitkan dengan contoh yang konkrit.

[100 markah]

...2/-

**SOALAN 3**

- [i] Apakah erti penyelidikan Penilaian Kesan Sosial (Social Impact Assessment)? [20 markah]
- [ii] Huraikan aspek-aspek 'PELUANG-ANCAMAN', 'PEMBANGUNAN/FENOMENA' dan 'PENYESUAIAN/PASCA PEMBANGUNAN' dalam enam sistem persekitaran dan kehidupan untuk penyelidikan Penilaian Kesan Sosial ke atas Projek Pembangunan Pelancongan di Langkawi. [80 markah]

**SOALAN 4**

Secara ringkas huraikan konsep-konsep di bawah dengan memberi contoh:

- [i] Persampelan probablistik (kebarangkalian) [20 markah]
- [ii] Perangkap pengabaian [20 markah]
- [iii] Pendekatan grounded [20 markah]
- [iv] Penyelidikan penilaian [20 markah]
- [v] Penyelidikan tindakan [20 markah]

**SOALAN 5**

Huraikan perbezaan ciri-ciri penyelidikan tindakan dan ciri-ciri penyelidikan penyertaan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

**SOALAN 6**

- [i] Huraikan dengan lengkap kaedah menyediakan kerangka persampelan. [50 markah]
- [ii] Bagaimana ulasan karya terpilih dikenalpasti, disedia dan dihurai di dalam laporan penyelidikan. [50 markah]

...3/-

**SOALAN 7**

**Maklumat**

- [a] Hipotesis alternate: Pelancongan mempengaruhi taraf sosioekonomi
- [b] Jumlah responden = 40
- [c] Darjah kebebasan = 6
- [d] Paras keertian = 0.05
- [e] Pekali Chi Kuasa dua (Chi-square) = 11.14

**SOALAN**

- [i] Lakarkan taburan keputusan cross-tabulation di atas dengan menunjukkan kawasan kritikal. [20 markah]
- [ii] Yang manakah angkubah bebas dan yang manakah angkubah sandar. [10 markah]
- [iii] Huraikan keputusan penyelidikan ini dari perspektif ujian hipotesisnya. [50 markah]
- [iv] Pada tahap keertian manakah hipotesis alternate dapat diterima. [50 markah]